

NO. SOALAN: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 26 OKTOBER 2017

RUJUKAN : 10274

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menambah jumlah balai polis di kawasan Parlimen Puchong dalam masa depan. Nyatakan jumlah balai polis dan anggota yang kini wujud di kawasan tersebut dan sama ada ataupun tidak balai polis akan dibina khususnya di kawasan Taman Equine dan persekitarannya.

117

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Parlimen Puchong terletak di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang, Selangor dan mempunyai balai-balai polis berikut:

- a) Balai Polis Kinrara dengan keanggotaan seramai 79 orang;**
- b) Balai Polis Puchong dengan keanggotaan seramai 74 orang;**
- c) Balai Polis Seri Kembangan dengan keanggotaan seramai 71 orang;**
- d) Balai Polis Serdang dengan keanggotaan seramai 63 orang;**
- e) Balai Polis Komuniti Bandar Puteri dengan keanggotaan seramai 11 orang;**
- f) Balai Polis Komuniti Bukit Serdang dengan keanggotaan seramai 6 orang; dan**
- g) Balai Komuniti Sg Besi Indah dengan keanggotaan seramai 9 orang.**

Jarak di antara Taman Equine dengan Balai Polis Seri Kembangan hanya sejauh 3 kilometer. Jika terdapat keperluan mendesak di masa hadapan, PDRM akan membuat kajian untuk menambahkan lagi keanggotaan di balai berkenaan.